

Baca petikan di bawah ini.

TAMAN NEGARA BELALONG

Taman Negara Belalong terletak di kawasan hutan tropika di Belalong, Ulu Temburong. Taman ini hanya boleh dikunjungi melalui sungai. Luasnya hampir 50 ekar dan Kawasan ini kaya dengan pelbagai jenis pokok dan tumbuh-tumbuhan serta pemandangan yang menarik.

Projek pembinaan kemudahan-kemudahan bagi Taman Negara Belalong dikehendaki di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-6. Sejumlah lima juta ringgit Brunei telah diperuntukkan bagi projek ini yang diusahakan oleh Jabatan Perhutanan.

Taman Negara ini dijangka akan menjadi satu tarikan bagi para pelancong. Para pencinta alam semula jadi dapat menyaksikan dan menikmati suasana hutan belantara yang asli dan aman damai. Hutan tropika Belalong masih belum tercemar dan amat kaya dengan sumber alam semula jadi seperti aneka jenis tumbuh-tumbuhan dan pelbagai jenis flora dan fauna.

Pelawat ke Taman Negara Belalong akan berpeluang menaiki perahu tamuai menyusur arus dari Batang Duri. Mereka juga berpeluang melalui sungai karangan atau jeram dalam perjalanan yang memakan masa hampir satu jam. Di tebing sebelah kiri dan kanan mereka dapat melihat keindahan batu-batu kapur, batu-batu karang dan kayu-kayan.

Mereka yang suka mandi-manda dapat berbuat demikian di empat buah wasai atau air terjun. Air yang jernih dan susunan persekitaran yang damai membuat para pelancong berasa segar.

Beberapa kemudahan lain juga disediakan untuk para pelancong. Antaranya ialah rumah untuk penginapan, tempat berjalan kaki, pondok tempat menyaksikan bintang, kawasan perkhemahan, pondok rehat dan jambatan gantung.

Di Kawasan yang sama juga, iaitu di Hutan Simpan Batu Apoi, terdapat Pusat Kajian Luar Kuala Belalong. Pusat kajian ini telah ditubuhkan oleh Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1991 dengan bantuan Brunei Shell. Pusat ini dibina dengan tujuan untuk menjadikannya fokus penyelidikan antarabangsa mengenai hutan hujan tropika.

A. Tuliskan BETUL atau SALAH pada petak jawapan bagi setiap pernyataan yang disediakan.

NO	TAMAN NEGARA BELALONG	JAWAPAN
1	Taman Negara Belalong ialah taman yang terletak di Ulu Temburong, Negara Brunei Darussalam.	
2	Sungai adalah jalan alternatif untuk sampai ke Taman Negara Belalong.	
3	Jalan penghubung antara Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong ialah Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien.	
4	Luas Taman Negara Belalong ialah 50 ekar.	
5	Projek pembinaan kemudahan-kemudahan bagi Taman Negara Belalong menelan belanja sebanyak lima juta ringgit Brunei.	
6	Projek pembinaan Taman Negara Belalong dikendalikan di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-9.	
7	Projek Taman Negara Belalong diusahakan oleh Jabatan Perhutanan.	
8	Para pencinta alam semula jadi dapat menyaksikan pemandangan Kampong Ayer di atas kapal layar.	
9	Hutan tropika Belalong masih kaya dengan sumber alam semula jadi seperti aneka jenis tumbuh-tumbuhan dan pelbagai jenis flora dan fauna.	
10	Flora bermaksud tumbuh-tumbuhan yang terdapat pada satu-satu daerah atau pada suatu masa.	
11	Fauna pula bermaksud tumbuhan yang hidup di suatu tempat.	
12	Para pelancong dapat menaiki bot laju menyusuri arus dari Batang Duri.	

13	Perjalanan melalui sungai ke Taman Negara Belalong mengambil masa hampir satu jam.	
14	Pemandangan menarik yang dapat dilihat sepanjang perjalanan ke Taman Negara Belalong seperti batu kapur, batu-batu karang dan kayu-kayan.	
15	Sepanjang perjalanan ke Taman Negara Belalong para pelancong dapat juga melihat rumah peranginan, kedai-kedai dan taman permainan.	
16	Terdapat empat buah wasai atau air terjun di sana.	
17	Para pelancong dilarang untuk mandi-manda di wasai atau air terjun tersebut.	
18	Kemudahan yang disediakan untuk para pelancong seperti rumah penginapan, tempat berjalan kaki, pondok tempat menyaksikan bintang, Kawasan perkehormatan, pondok rehat dan jambatan gantung.	
19	Selain Taman Negara Belalong, Hutan Simpan Batu Apoi juga merupakan pusat kajian hutan tropika.	
20	Hutan Simpan Batu Apoi terletak di Daerah Tutong.	
21	Hutan Simpan Batu Apoi ditubuhkan oleh Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1991 dengan bantuan Brunei Shell.	
22	Pusat kajian Taman Negara Belalong dibina bertujuan untuk menjadikan fokus penyelidikan antarabangsa mengenai hutan hujan tropika.	
23	Nilai-nilai murni yang terdapat dalam petikan "Taman Negara Belalong" ialah cintakan alam sekitar.	

B. Padankan perkataan sinonim dalam petak A dengan petak B.

PETAK A

dikunjungi

diperuntukkan

pelancong

ditubuhkan

fokus

damai

dikendalikan

PETAK B

dibina

pelawat

tumpuan

aman

didatangi

diuruskan/
ditakbirkan

ditentukan/
disediakan